



DELEUM

PENYATA POLISI

***HAK KEMANUSIAAN DAN STANDARD
PERBURUHAN***

Revisi No: 2/2022

STANDARD PERBURUHAN

POLISI STANDARD PERBURUHAN SYARIKAT

Deleum mematuhi undang-undang tempatan atau perjanjian mengenai waktu kerja, waktu kerja lebih masa dan kerja semasa cuti. Kami memastikan agar penyata ini disampaikan dengan jelas dan tepat pada masanya dan difahami oleh semua pihak yang berkenaan.

Semua piawaian berkaitan undang-undang, kesihatan, keselamatan dan alam sekitar dipatuhi dengan teliti bagi memastikan persekitaran kerja yang sesuai untuk semua pekerja Deleum.

Segala maklumat pekerjaan akan disampaikan kepada semua pekerja Deleum semasa proses induksi. Maklumat ini juga boleh diakses oleh semua pekerja melalui Intranet Deleum tetapi mungkin tidak tersedia untuk orang awam.

BURUH KANAK-KANAK

Deleum tidak bertolak ansur dengan penggunaan buruh kanak-kanak atau buruh paksa dalam mana-mana operasi dan fasilitinya. Kami mengiktiraf bahawa setiap kanak-kanak berhak mendapat pendidikan, aktiviti rekreasi, kehidupan yang selamat dan perlindungan daripada sebarang bahaya.

Deleum mengamalkan prinsip-prinsip berikut untuk mengukuhkan nilai terasnya dalam melayan semua pekerja dengan maruah yang tinggi dan penuh hormat. Bagi tujuan prinsip ini, “kanak-kanak” atau “orang muda” ditakrifkan sebagai sesiapa sahaja yang berumur di bawah lapan belas tahun.

- a. Deleum tidak akan menyediakan peluang pekerjaan kepada kanak-kanak atau orang muda dibawah had umur
- b. Deleum tidak bertolak ansur dengan eksploitasi kanak-kanak, penglibatan mereka dalam kerja berbahaya, dan hukuman fizikal, penderaan atau perhambaan tanpa kerelaan terhadap mana-mana pekerja
- c. Deleum memastikan pembekal dan kontraktor yang berurusan dengan kami sentiasa mengikut piawaian yang sama. Sekiranya Deleum mengesan sebarang ketidakpatuhan terhadap prinsip-prinsip ini dan ia tidak ditangani, Deleum akan menghentikan sebarang bentuk hubungan perniagaan dengan mereka.
- d. Deleum menyokong program-program latihan tempat kerja untuk pelatih muda selagi individu berkenaan diurus dengan teliti, malah aspek-aspek lain seperti moral, keselamatan, kesihatan dan pendidikan mereka tidak terjejas sama sekali.

BURUH PAKSA

Deleum mengiktiraf bahawa semua pekerja berhak untuk menerima tawaran kerja secara sukarela dan Deleum tidak akan menggunakan buruh paksa dalam operasi kami. Semua pekerja berhak untuk menerima tawaran kerja secara bebas dan sukarela tanpa sebarang ancaman penalti. Dasar ini merangkumi semua pekerja serta pelatih, perunding dan mana-mana orang lain yang bekerja untuk Deleum.

Pekerja diberikan kebebasan untuk menamatkan perkhidmatan, sama ada perkhidmatan untuk jangka masa yang tidak ditentukan atau perkhidmatan jangka panjang, melalui notis yang diberikan untuk tempoh yang

munasabah (mengikut undang-undang Malaysia atau perjanjian bersama) pada bila-bila masa tanpa dikenakan penalti.

Deleum mengiktiraf tanggungjawab yang dikongsi bersama pembekal, subkontraktor dan perkhidmatan pencarian pekerja (secara kolektif dirujuk sebagai “Pembekal”) untuk menghalang penggunaan buruh paksa. Dasar ini mewakili tanggungjawab kontrak yang jelas sebagai syarat bagi sebarang hubungan perniagaan dengan Deleum.

GAJI YANG SAMA RATA UNTUK KERJA YANG SAMA

Deleum memastikan agar lelaki dan wanita yang bekerja dalam pekerjaan yang sama atau serupa dengan nilai yang sama akan menerima imbuhan yang sama dalam amalan penggajian, penilaian prestasi, kenaikan pangkat dan peluang kepimpinan. Amalan gaji yang memberi ganjaran untuk prestasi dan faktor-faktor lain yang sah hendaklah dikekalkan mengikut undang-undang. Ini haruslah setimpal dengan prestasi pekerja individu, di mana ganjaran diberikan mengikut budi bicara Syarikat berdasarkan ketetapan undang-undang.

Deleum menghormati isu privasi dan tidak menyokong inisiatif yang memerlukan Deleum untuk mendedahkan maklumat sulit mengenai gaji seseorang individu kepada pekerja lain yang berminat untuk mengetahuinya.

HAK UNTUK KEBEBASAN BERPERSATUAN

Deleum mematuhi undang-undang buruh tempatan berkaitan kebebasan bersuara. Deleum bukan sebuah organisasi berpersatuan tetapi kami menghormati hak pekerja untuk menjadi ahli kesatuan buruh.

Deleum komited untuk melayan semua pihak dengan penuh hormat dan bermaruah serta memastikan agar para pembekal kami juga komited terhadap perkara yang sama.

HAK UNTUK GAJI MINIMUM DAN FAEDAH-FAEDAH

Selaras dengan pengumuman Menteri Kewangan, Perintah Gaji Minimum 2022 (“Perintah Baharu”) telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 1 Mei 2022. Dengan Perintah baharu ini, Deleum mematuhi undang-undang buruh tempatan berkaitan keperluan gaji minimum dan faedah-faedah yang dipertanggungjawabkan secara sah.

PELUANG PEKERJAAN SAMA RATA

Deleum bersemangat untuk membangunkan tenaga kerja yang pelbagai. Kami tidak terlibat dalam sebarang bentuk diskriminasi yang menyalahi undang-undang dan komited untuk menyediakan peluang yang adil dan sama rata dalam pekerjaan tanpa mengira bangsa, kewarganegaraan, asal etnik, umur, agama atau kepercayaan, jantina, status perkahwinan, orientasi seksual, kecacatan, atau sebarang ciri-ciri lain yang tidak berkaitan dengan prestasi pekerjaan.

Peluang pekerjaan sama rata (PPSR) digunakan dalam semua aspek hubungan antara Deleum dan pekerjanya, termasuk pengambilan pekerja baru, kenaikan pangkat, penukaran jawatan, peluang latihan, pampasan dan faedah-faedah pekerja.

Peluang pekerjaan sama rata (PPSR) juga digunakan untuk pemilihan dan layanan kepada kontraktor bebas, pekerja yang bekerja di premis Deleum yang diambil bekerja dengan agensi pekerjaan dan mana-mana individu atau firma lain pembekal yang menjalankan perniagaan untuk atau dengan Deleum.

LARANGAN GANGGUAN

Deleum komited untuk memastikan persekitaran kerja yang baik, sihat dan bebas daripada sebarang gangguan untuk setiap pekerja yang berlainan latar belakang. Setiap individu saling melindungi dan menghormati, serta menyokong suasana tempat kerja yang inklusif dengan kerjasama pelbagai individu yang mempunyai bakat unik untuk memacu inovasi.

Deleum tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang bentuk gangguan lisan atau fizikal yang mengganggu atau menghalang pekerja lain, atau gangguan yang mengakibatkan persekitaran kerja atau pembelajaran yang menakutkan, tidak menyenangkan atau bersifat mengancam. Ini termasuk pekerja, pelatih dan mana-mana individu lain yang terlibat dalam urusan perniagaan dengan Deleum.

Setiap individu bertanggungjawab untuk memastikan suasana kerja yang selamat dan bebas daripada ketidakselesaan dan permusuhan. Semua warga Deleum perlu mempunyai tingkah laku yang boleh diteladani, saling hormat-menghormati, berbudi bahasa dan berasa dihargai.

Deleum tidak akan memberi layanan yang boleh menyebabkan seseorang individu berasa terancam, malu, terhina, tergugat atau diaibkan.

Penilaian prestasi atau tingkah laku yang dijalankan secara sah, munasabah dan konstruktif bukan dianggap sebagai buli atau gangguan.

Gangguan juga merangkumi perlakuan tidak wajar yang berdasarkan bangsa, warna kulit, agama, jantina, orientasi seksual, identiti atau ekspresi jantina, kehamilan, umur, negara asal, status kurang upaya, maklumat genetik, status veteran yang dilindungi, atau sebarang ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang.

Gangguan akan dianggap sebagai menyalahi undang-undang apabila:

- a. Dipaksa berhadapan dengan perlakuan yang tidak menyenangkan itu sebagai syarat untuk meneruskan pekerjaan, atau
- b. Perlakuan itu cukup teruk atau meluas hingga mewujudkan persekitaran kerja yang boleh dianggap sebagai menakutkan, tidak menyenangkan atau mengancam.

Pekerja amat digalakkan untuk melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai sebarang gangguan yang dialami di tempat kerja. Semua laporan/aduan akan dianggap sebagai sulit dan peribadi.

LARANGAN GANGGUAN SEKSUAL

Adalah menjadi tanggungjawab setiap pekerja untuk mengekalkan persekitaran tempat kerja yang bebas daripada gangguan seksual. Laporan gangguan seksual akan disiasat dengan teliti, dan pelanggaran dasar ini akan dianggap sebagai salah laku yang serius. Pekerja atau pelatih akan dilindungi daripada sebarang tindakan balas kerana membuat laporan gangguan seksual yang berniat baik atau dengan mengambil bahagian dalam siasatan.

Contoh perlakuan lisan atau fizikal termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- a. serangan fizikal;
- b. ancaman secara langsung atau tidak langsung yang memaksa pekerja bersetuju dengan gangguan seksual sebagai syarat pekerjaan, kenaikan pangkat atau gred, pemberian surat sokongan atau gaji
- c. perlakuan yang boleh atau bertujuan untuk menyebabkan ketidakselesaan atau penghinaan atau kedua-duanya yang merangkumi: komen bersifat seksual; kenyataan secara lisan atau bertulis, soalan, jenaka, atau anekdot yang jelas berunsurkan seksual; cadangan bersifat seksual; tekanan secara halus untuk mengadakan aktiviti seksual; sentuhan, tepukan, pelukan, menggosok tubuh seseorang; kenyataan mengenai aktiviti, pengalaman atau orientasi seksual; memaparkan bahan berunsur seksual yang tidak sesuai; renungan yang berterusan atau tidak diingini; menghalang atau menyekat pergerakan; memberi isyarat seksual.
- d. berterusan menyatakan minat seksual atau sosial selepas dimaklumkan secara terus bahawa minat itu tidak disenangi.
- e. penyerahan atau penolakan terhadap perlakuan sedemikian oleh seseorang individu digunakan sebagai asas untuk membuat keputusan yang akan mempengaruhi pekerjaan individu terbabit
- f. perlakuan sedemikian dilakukan dengan tujuan atau untuk memberi kesan yang besar terhadap prestasi kerja individu atau mewujudkan persekitaran kerja yang menakutkan, tidak menyenangkan atau mengancam.

Deleum menggalakkan pekerja supaya melaporkan semua insiden gangguan kepada pihak pengurusan atau jabatan sumber manusia. Deleum menyiasat semua aduan gangguan dengan segera, adil, dan mengambil tindakan pembedahan dengan serta-merta untuk menghentikan dan mencegah gangguan daripada berulang.

Deleum tidak akan bertolak ansur dengan sebarang pelanggaran dasar ini. Deleum akan menyiasat setiap isu yang dibangkitkan dengan segera, teliti dan saksama, dan akan mengambil tindakan tatatertib yang sewajarnya termasuk pemberhentian kerja.